



## TAWARAN BIASISWA SESI 2021/2022

Yayasan Sarawak dan Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman (YBSTAR) mempelawa calon-calon yang layak dan berpotensi untuk memohon penajaan Biasiswa Yayasan Sarawak Tun Taib dan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman untuk ambilan Sesi 2021/2022.

1.	<b>BIASISWA YAYASAN SARAWAK TUN TAIB</b> (Kursus STEM; Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik)
2.	<b>YAYASAN BIASISWA SARAWAK TUNKU ABDUL RAHMAN</b> (Kursus BUKAN STEM SELAIN Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik)

### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

#### 1. SYARAT-SYARAT ASAS.

- 1.1. Anak Jati Sarawak (sama ada ibu atau bapa atau kedua-duanya sekali Anak Kelahiran Sarawak).
- 1.2. Bermastautin di Sarawak. Alamat tetap seperti di nyatakan di dalam MyKad.
- 1.3. Sedang atau akan mengikuti pengajian secara **SEPENUH MASA** di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf di **Dalam Negara sahaja**.

Ijazah Pertama	Ijazah Lanjutan
Untuk permohonan penajaan di Institusi Dalam Negara sahaja.	Untuk permohonan penajaan di Institusi Dalam Negara sahaja.

## 2. SYARAT KHUSUS (KELAYAKAN AKADEMIK).

- 2.1. Pemohon yang sedang mengikuti pengajian **ATAU** pemohon yang telah diterima masuk ke Institusi Pengajian Tinggi perlu mempunyai salah satu kelayakan akademik seperti berikut:

(Keutamaan kepada pelajar yang berada di Tahun 1 dan 2 sahaja).

PERINGKAT & KRITERIA	KELAYAKAN & PENCAPAIAN AKADEMIK
Ijazah Pertama	Memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang sekurang-kurangnya <b>Gred B</b> dan ke atas pada setiap subjek di peringkat STPM, atau memperolehi CGPA/PNGK 3.00 dan ke atas bagi lulusan Sijil / Diploma / Matrikulasi / A-Level dan yang setaraf dengannya.
Ijazah Lanjutan	Memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang sekurang-kurangnya Ijazah Kelas Kedua Atas atau CGPA/PNGK 3.00 ke atas semasa Ijazah Pertama atau Sarjana.
Kriteria Tambahan	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Memiliki ciri-ciri kepimpinan yang tinggi, aktif di dalam aktiviti ko-kurikulum.</li><li>2. Aktif dan banyak menyumbang dalam kegiatan kemasyarakatan.</li><li>3. Perkembangan Bakat (<i>Talent</i>) iaitu cemerlang dalam satu atau lebih bidang terutama dari segi kepimpinan, kemahiran dan kreativiti.</li></ol>

## 3. KRITERIA PEMILIHAN.

- 3.1. Calon yang layak dan memenuhi kriteria di atas, akan ditemuduga oleh satu panel khas. Pemilihan akan dibuat dengan mengambil kira prestasi semasa temuduga, potensi calon, bakat kepimpinan, sumbangan kepada masyarakat dan kriteria-kriteria lain yang difikirkan wajar oleh panel.

## 4. CALON-CALON YANG TIDAK LAYAK MEMOHON.

- 4.1. Pemohon yang tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan asas dan khusus yang ditetapkan.
- 4.2. Pemohon yang sedang mengikuti kursus peringkat Matrikulasi, Asasi Sains / Pra-Universiti / *Foundation*.
- 4.3. Pemohon yang sedang mengikuti program / kursus jarak jauh / separuh masa.
- 4.4. Pemohon yang masih terikat dengan mana-mana badan penajaan.
- 4.5. Pemohon yang telah bekerja tetapi tiada surat pelepasan/kelulusan majikan.

## 5. CARA MEMOHON.

- 5.1. Permohonan adalah secara dalam talian ('online') yang boleh dicapai di laman web [www.yayasansarawak.org.my](http://www.yayasansarawak.org.my).
- 5.2. Permohonan hendaklah disertakan dengan **SALINAN SURAT TAWARAN KEMASUKAN KE UNIVERSITI / INSTITUSI**.
- 5.3. Salinan dokumen atau salinan sijil-sijil seperti yang dinyatakan di dalam borang permohonan. **SILA AMBIL PERHATIAN** bahawa kesemua **salinan dokumen dan sijil hendaklah disahkan** terlebih dahulu.
- 5.4. Pegawai atau kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat mestilah mengemukakan permohonan mereka melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan surat pengesahan **memperolehi kebenaran** untuk belajar secara sepenuh masa sama ada bergaji penuh atau separuh gaji.
- 5.5. Sebarang pindaan atau perubahan pada syarat-syarat permohonan pada iklan ini jika ada, termasuk tarikh tutup permohonan, akan dimaklumkan melalui media massa.
- 5.6. Semua dokumen yang telah disahkan hendaklah dihantar kepada **Seksyen Basiswa, Yayasan Sarawak, Wisma Adenan, Jalan Sultan Tengah, 93050 Petra Jaya, KUCHING**.

Sila Pastikan Skim yang dipohon ditulis dengan **JELAS** di sampul.  
Basiswa Yayasan Sarawak Tun Taib ATAU Basiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman.

## 6. TARIKH TUTUP PERMOHONAN Jumaat, 30 Julai 2021, Jam 4.00 petang.

- 6.1. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut **TIDAK** akan dipertimbangkan.
- 6.2. Permohonan yang **TIDAK LENGKAP** atau **TIDAK MEMENUHI** syarat seperti yang ditetapkan **TIDAK** akan dipertimbangkan.

Sebarang Pertanyaan sila hubungi :-

**SEKSYEN BIASISWA**  
Talian Pejabat : (082) 441686 | Faks : (082) 440023

**KLIK PAUTAN DI BAWAH  
UNTUK PERMOHONAN DALAM TALIAN,**

[Basiswa Yayasan Sarawak Tun Taib \(BYSTT\)](#)

[Yayasan Basiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman \(YBSTAR\)](#)